



7 April 2026
7 April 2026
P.U. (A) 162

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN MODAL DIPERCEPAT) (KELENGKAPAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI BAGI PELAKSANAAN INVOIS ELEKTRONIK) 2026

INCOME TAX (ACCELERATED CAPITAL ALLOWANCE) (INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY EQUIPMENT FOR THE IMPLEMENTATION OF ELECTRONIC INVOICE) RULES 2026

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN MODAL DIPERCEPAT)
(KELENGKAPAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI BAGI PELAKSANAAN
INVOIS ELEKTRONIK) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dibaca bersama-sama perenggan 10 dan 15 Jadual 3 kepada Akta, Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi bagi Pelaksanaan Invois Elektronik) 2026**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2024 hingga tahun taksiran 2027.

Elaun modal dipercepat

2. (1) Seseorang yang merupakan pemastautin di Malaysia dan telah melakukan perbelanjaan modal dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada suatu punca yang terdiri daripada perniagaannya berhubung dengan pembelian mana-mana kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi bagi pelaksanaan invois elektronik yang dinyatakan dalam Jadual bagi kegunaan perniagaannya boleh menuntut elaun modal dipercepat di bawah Kaedah-Kaedah ini mengikut elaun permulaan di bawah kaedah 3 dan elaun tahunan di bawah kaedah 4.

(2) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, pembelian mana-mana kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi bagi pelaksanaan invois elektronik hendaklah termasuk pemasangan kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi itu.

(3) Orang yang menuntut elaun modal dipercepat di bawah Kaedah-Kaedah ini—

- (a) hendaklah mematuhi garis masa pelaksanaan invois elektronik sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pengeluaran Invois Elektronik) 2024 [*P.U. (A) 265/2024*];
- (b) tidak diberikan apa-apa kelonggaran berhubung dengan pengeluaran invois elektronik di bawah garis panduan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 134A Akta;
- (c) hendaklah mematuhi kehendak pengeluaran invois elektronik sebagaimana yang dinyatakan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 134A Akta; dan
- (d) hendaklah menjalankan perniagaan yang berdaftar dengan—
 - (i) Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
 - (ii) suatu badan pendaftaran perniagaan;
 - (iii) suatu pihak berkuasa tempatan; atau
 - (iv) suatu badan berkanun.

Elaun permulaan

3. Orang itu layak untuk menuntut elaun permulaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 10 Jadual 3 kepada Akta yang bersamaan dengan satu per lima daripada perbelanjaan modal yang dilakukan bagi pembelian mana-mana kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi bagi pelaksanaan invois elektronik yang dinyatakan dalam Jadual.

Elaun tahunan

4. Orang itu layak untuk menuntut elaun tahunan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 15 Jadual 3 kepada Akta yang bersamaan dengan dua per lima daripada

perbelanjaan modal yang dilakukan bagi pembelian mana-mana kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi bagi pelaksanaan invois elektronik yang dinyatakan dalam Jadual.

Ketidakpakaian

5. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai jika orang itu, berkenaan dengan pembelian mana-mana kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi bagi pelaksanaan invois elektronik yang dinyatakan dalam Jadual—

- (a) telah diberikan apa-apa elaun cukai pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*];
- (b) telah menuntut apa-apa elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta;
- (c) telah menuntut apa-apa potongan di bawah seksyen 33 Akta;
- (d) telah menuntut apa-apa potongan di bawah seksyen 34A Akta;
- (e) telah menuntut apa-apa elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B kepada Akta;
- (f) telah menuntut apa-apa elaun modal dipercepat di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta; atau
- (g) telah diberikan pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta berhubung dengan pendapatan berkanun orang itu yang bersamaan dengan sebahagian atau keseluruhan amaun perbelanjaan modal bagi pelaksanaan invois elektronik yang dilakukan oleh orang itu.

JADUAL
[Kaedah 2]

1. Sistem kawalan laluan masuk
2. Sistem perbankan
3. Kelengkapan kod bar
4. Peletus atau pengumpul asing
5. Kabel dan penyambung
6. Reka bentuk berbantu komputer
7. Pembuatan berbantu komputer
8. Kejuruteraan berbantu komputer
9. Pembaca kad
10. Komputer dan komponen
11. Unit pemprosesan pusat
12. Storan
13. Skrin
14. Pencetak
15. Pengimbas atau pembaca
16. Aksesori
17. Komunikasi dan rangkaian
18. Sistem perisian atau pakej perisian

Dibuat 31 Mac 2026

[MOF.TAX(S)700-1/3/109 Jld.4 (SK.2); LHDN.AY.A 600-12/1/7(29)-395; PN(PU2)80/JLD.116]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154 (2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (ACCELERATED CAPITAL ALLOWANCE) (INFORMATION AND
COMMUNICATION TECHNOLOGY EQUIPMENT FOR THE IMPLEMENTATION
OF ELECTRONIC INVOICE) RULES 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53] read together with paragraphs 10 and 15 of Schedule 3 to the Act, the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Accelerated Capital Allowance) (Information and Communication Technology Equipment for the Implementation of Electronic Invoice) Rules 2026**.

(2) These Rules have effect from the year of assessment 2024 to the year of assessment 2027.

Accelerated capital allowance

2. (1) A person who is a resident in Malaysia and has incurred a capital expenditure in the basis period for a year of assessment from a source consisting of his business in relation to the purchase of any information and communication technology equipment for the implementation of electronic invoice specified in the Schedule for the use of his business may claim for an accelerated capital allowance under these Rules in accordance with the initial allowance under rule 3 and annual allowance under rule 4.

(2) For the purposes of these Rules, the purchase of any information and communication technology equipment for the implementation of electronic invoice shall include the installation of the information and communication technology equipment.

(3) The person claiming for an accelerated capital allowance under these Rules—

- (a)* shall comply with the timeline for the implementation of electronic invoice as prescribed in the Income Tax (Issuance of Electronic Invoice) Rules 2024 [*P.U. (A) 265/2024*];
- (b)* has not been granted any flexibility in relation to the electronic invoice issuance under the guideline issued by the Director General under section 134A of the Act;
- (c)* shall comply with the electronic invoice issuance requirements as specified in the guideline issued by the Director General under section 134A of the Act; and
- (d)* shall carry out a business registered with—
 - (i)* the Companies Commission of Malaysia;
 - (ii)* a business registration body;
 - (iii)* a local authority; or
 - (iv)* a statutory body.

Initial allowance

3. The person is qualified to claim for an initial allowance as provided for in paragraph 10 of Schedule 3 to the Act which is equivalent to one-fifth of the capital expenditure incurred for the purchase of any information and communication technology equipment for the implementation of electronic invoice specified in the Schedule.

Annual allowance

4. The person is qualified to claim for an annual allowance as provided for in paragraph 15 of Schedule 3 to the Act which is equivalent to two-fifth of the capital expenditure incurred for the purchase of any information and communication technology equipment for the implementation of electronic invoice specified in the Schedule.

Non-application

5. These Rules shall not apply if the person, in respect of the purchase of any information and communication technology equipment for the implementation of electronic invoice specified in the Schedule—

- (a) has been granted any investment tax allowance under the Promotion of Investments Act 1986 [Act 327];
- (b) has claimed any reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act;
- (c) has claimed any deduction under section 33 of the Act;
- (d) has claimed any deduction under section 34A of the Act;
- (e) has claimed any investment allowance for service sector under Schedule 7B to the Act;
- (f) has claimed any accelerated capital allowance under any rules made under section 154 of the Act; or
- (g) has been granted an exemption under paragraph 127(3)(b) or subsection 127(3A) of the Act in relation to statutory income of the person which is equivalent to any part or the whole of the amount of the capital expenditure for the implementation of electronic invoice incurred by the person.

SCHEDULE

[Rule 2]

1. Access control system
2. Banking system
3. Bar code equipment

4. Burster or decollator
5. Cable and connector
6. Computer-aided design
7. Computer-aided manufacturing
8. Computer-aided engineering
9. Card reader
10. Computer and component
11. Central processing unit
12. Storage
13. Screen
14. Printer
15. Scanner or reader
16. Accessories
17. Communication and network
18. Software system or software package

Made 31 March 2026

[MOF.TAX(S)700-1/3/109 Jld.4 (SK.2); LHDN.AY.A 600-12/1/7(29)-395; PN(PU2)80/JLD.116]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Minister of Finance II

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]